

DBKL tanggung tunggakan RM36.1j

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terpaksa menanggung sewa dan bil air tertunggak sebanyak RM36.1 juta di rumah pangsa awam Program Perumahan Rakyat (PPR) sehingga 31 Mac lalu.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique, berkata tunggakan itu berpunca daripada kegagalan kebanyakan penyewa PPR menjelaskannya kerana mereka berpendapat rumah itu adalah milik mereka.

"Bagaimana pun, juga penyewa yang berdebat dalam menjelaskan sewa dan bil air perkhidmatan menyebabkan DBKL terpaksa menanggung perbelanjaan pengurusan dan penyelenggaraan dengan menggunakan sumber kewangan sendiri.

"Bagi rumah yang dijual pula, tunggakan itu menyebabkan perkhidmatan di kawasan rumah mereka tidak dapat dilakukan dengan sempurna," katanya menjawab soalan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) yang ingin tahu masalah yang dihadapi kementerian dalam sistem pengurusan dan penyelenggaraan di PPR.

Terdahulu, menjawab soalan Dr Tan mengenai bilangan rumah pangsa awam dan swasta, termasuk PPR di Kuala Lumpur, Zulhasnan berkata, bilangan keseluruhan rumah pangsa PPR sehingga kini berjumlah 72,013.

"Ia terdiri daripada perumahan awam sewa (PPR Bandar) sebanyak 21,445 unit, rumah awam sementara/rumah panjang (4,469), PPR DBKL

(5,297), PPR Majlis Perbandaran Ekonomi Negara (2,102) dan 5,660 lagi akan diserahkan kepada Perumahan dan Kewangan Perumahan manakala rumah jual (13,700).

"Jumlah keseluruhan unit rumah pangsa swasta yang dibina secara khusus di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula ialah 211,113 unit," katanya.

Sementara itu, ketika menjawab soalan tambahan Dr Tan yang ingin mengetahui sama ada kementerian menyiasat laporan rumah pangsa PPR yang disewakan kepada pendatang asing termasuk dari Bangladesh, Indonesia serta India, Zulhasnan meminta sesiapa yang mengetahui kejadian itu melaporkan terus kepada kementeriannya.